

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD AMZAD BIN  
MOHAMED @ HASHIM  
[KUALA TERENGGANU]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan Kerajaan untuk memacu ekonomi di Terengganu melalui pembinaan ECRL di Terengganu memandangkan kedudukan stesen-stesennya yang jauh daripada pusat bandar.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang ditambahbaik berdasarkan Perjanjian Tambahan atau *Supplementary Agreement (SA)* yang ditandatangani oleh Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL), sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan Diperbadankan dan kontraktor utama, China Communications Construction Company Ltd (CCCC) pada 12hb April 2019 akan menawarkan perkhidmatan pengangkutan penumpang dan kargo dari Kota Bharu ke Pelabuhan Klang. Projek ECRL ini bakal menghubungkan negeri-negeri pantai timur Kelantan, Terengganu, Pahang dengan Negeri Sembilan, Selangor dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

## NO. SOALAN : 16

2. Kajian teknikal telah dijalankan bersama diantara pihak MRL dan CCCC. Setelah mengambil kira penilaian kejuruteraan nilai yang komprehensif dalam semua aspek teknikal projek, hasil utama kajian ialah perubahan jajaran, ianya juga melibatkan perubahan lokasi stesen. Kedudukan stesen-stesen baru ini telah mengambil kira pelbagai faktor seperti aspek kejuruteraan keretapi, impak sosial, impak alam sekitar dan impak warisan.
3. Disamping itu juga, kedudukan stesen telah mengambil kira takutan penumpang dengan bandar atau pekan terdekat di dalam radius 20km. Perkhidmatan keretapi ECRL merupakan perkhidmatan keretapi antara bandar di mana jarak purata di antara setiap stesen adalah lebih kurang 30km. Secara tidak langsung, ianya bakal merangsang pertumbuhan ekonomi di sekitar stesen ECRL dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan baru.
4. ECRL akan merangsang pembangunan perindustrian baru oleh kerana rangkaian keretapi yang lengkap akan menyediakan perkhidmatan pengangkutan kargo berat dan ini akan menarik pembangunan industri baru ke dalam negeri Terengganu. Dengan jajaran ECRL, potensi dari tanah yang luas di Terengganu akan digunakan sepenuhnya bagi perkhidmatan kargo dan penumpang bagi menghubungkan pedalaman negeri Terengganu ke pusat-pusat ekonomi utama negara. Kilang-kilang di dalam taman industri serta lombong perindustrian di Terengganu akan dihubungkan ke 3 pelabuhan utama di Kemaman, Kuantan dan Pelabuhan Klang untuk pengimportan bahan dan eksport produk. Sambungan yang dipertingkatkan akan menjadikan Terengganu satu destinasi baru untuk pelaburan dalam sektor pembuatan selain dari pelancongan.
5. ECRL dijangka juga akan meningkatkan sektor perkilangan serta pelancongan di negeri Terengganu dengan adanya stesen Dungun, Kemasik dan Chukai sebagai stesen kargo dan stesen penumpang. Manakala tiga (3) lagi stesen iaitu Jerteh, Bandar Permaisuri dan Kuala Terengganu adalah stesen penumpang sahaja. Disamping itu juga, terdapat dua (2) jajaran sisihan iaitu Kerteh dan Kemaman bagi pengangkutan kargo. Oleh yang demikian, Terengganu akan mempunyai

## NO. SOALAN : 16

mod pengangkutan keretapi yang lebih cekap dan lebih selamat untuk kedua-dua penumpang dan pengangkutan kargo.

6. Selain daripada itu, pelaksanaan projek ECRL dilihat mampu memberi manfaat secara langsung kepada rakyat tempatan terutamanya komuniti yang tinggal berdekatan dengan jajaran projek ECRL termasuklah para usahawan industri kecil dan sederhana serta kontraktor-kontraktor tempatan. Dari aspek sosio-ekonomi, projek nasional ini berkeupayaan membuka banyak peluang pekerjaan secara langsung dan tidak langsung kepada penduduk setempat. Hasil pendapatan para usahawan perniagaan industri kecil dan sederhana dalam sektor pemakanan, peruncitan dan pembuatan di kawasan yang terlibat juga dijangka akan melonjak naik.

Begitu juga dengan produktiviti dalam sektor pembinaan, perhotelan, perdagangan dan industri logistik yang bakal menjana hasil pendapatan yang positif dan memberangsangkan. Di samping itu, dengan kemasukan pekerja projek ECRL, sektor pelancongan juga menyaksikan peningkatan secara beransur-ansur apabila para pekerja membawa keluarga mereka untuk melawat Terengganu yang menawarkan banyak tarikan dan aktiviti menarik untuk pelawat.

7. Impak jangka panjang yang dijangkakan adalah kemasukan berterusan pelancong dalam dan luar negara ke negeri Terengganu. Perkhidmatan keretapi penumpang ECRL ke Terengganu akan disambungkan ke KLIA melalui stesen pertukaran di Putrajaya Sentral dapat memberi kemudahan kepada pelancong yang tiba di Terengganu. Keseluruhan projek ECRL ini dijangka siap pada Disember 2026.

Sekian, terima kasih.